

PERANAN DATO' SYED ALWI BIN TAHIR AL-HADDAD DALAM MENANGGAPI ISU-ISU AGAMA DI NUSANTARA (1920-1961): SATU SOROTAN

A Highlight Of The Role Of Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad In Responding To Religious Issues In The Malay Archipelago (1920-1961)

Abdul Rahman Abd Jalil*

ABSTRACT

The migration of Hadrami Arabs to the Malay archipelago significantly impacted economic growth, intellectual activity and administrative efficiency in the community there. Therefore, this paper focuses on Syed Alwi bin Tahir al-Haddad since he is the mufti of Johor, a Hadrami Arab most prominent in interacting with current religious issues. This study is qualitative and uses the descriptive analysis method based on the results of previous studies. The results of this study found that Syed Alwi bin Tahir al-Haddad became one of the immigrant figures who was proactive about the current religious issues that appeared in the middle of the Muslim archipelago at that time by using the existing platform. The variety of quality works he produced also highlights his breadth of knowledge and intellectual strength.

Keywords: Arab Hadrami; Syed Alwi bin Tahir al-Haddad; Religious Issue; Malay Archipelago.

* Islamic Affairs Officer, Johor State Islamic Religious Department, The Sultan Iskandar Building, Jalan Jalan Tun Habab, 81900 Kota Tinggi, Johor, Malaysia.
rahman.jalil@johor.gov.my.

PENDAHULUAN

Sejarah merekodkan bahawa diaspora masyarakat Arab Hadrami telah berlaku terutamanya di semenanjung India dan kepulauan Asia Tenggara pada fasa ketiga perkembangan tamadun bangsa tersebut.¹ Pertebaran ini bergerak dalam beberapa peringkat bermula pada sekitar abad ke-16M, diikuti abad ke-17M atau abad ke-18M bagi peringkat ke-2, dan berakhir pada abad ke-19M serta awal abad ke-20M bagi peringkat ke-3.² Aktiviti diaspora ini berjalan atas apitan beberapa faktor, antaranya ialah perdagangan dan keagamaan.

Memetik kenyataan S.M. Yusuf daripada makalahnya, Latifah dan Redzuan menyatakan bahawa bangsa Arab telah lebih awal mendominasi perdagangan maritim di kawasan perairan Timur sebelum beralih tangan kepada bangsa Eropah pada hujung abad ke-15M.³ Namun, pada abad ke-19M, aktiviti migrasi kembali bergerak aktif dalam kalangan komuniti Arab Hadrami. Pertumbuhan projek kapitalisme di Hindia Timur Belanda telah menarik minat komuniti ini untuk berhijrah ke sana di samping faktor pembukaan terusan Suez pada 1869M yang turut menyumbang kepada kerancakan perkembangan ekonomi Asia Tenggara melalui aktiviti perdagangan maritim ini daripada kalangan mereka.⁴

¹ Ulama dalam kalangan ‘Alawiyīn membahagikan sejarah perkembangan populasi ‘Alawiyīn kepada beberapa fasa. Fasa pertama bermula pada kurun ke-9M hingga kurun ke-13M dengan kemunculan Ahmad al-Muhājir sebagai penghulu populasi dan cucunya ‘Alawī b. Ubaydillah yang mana masing-masing telah diangkat sebagai mujtahid. Fasa kedua pula bermula dengan pengasasan dan perkembangan *al-Tariqah al-‘Alawiyah* dalam populasi tersebut pada abad ke-13M hingga abad ke-17M, manakala fasa ketiga pula bermula pada sela masa antara abad ke-17M dan abad ke-20M dengan berlakunya proses islamisasi ke atas kepulauan Tenggara Asia dan India hasil daripada usaha dakwah populasi ini. Lihat Syed Farid Al-Attas, “Hadramaut and The Hadrami Diaspora: Problem In Theoretical History” dalam *Hadrami Traders, Scholars and Statemen in the Indian Ocean 1750s-1960s*, ed. Ulrike Freitag dan William Clarence-Smith, (Leiden: Brill, 1997), 31.

² Latifah Abdul Latiff dan Muhammad Redzuan Othman, "Hadrami Sayyids In Malaya, 1819-1940." *Jurnal Usuluddin* 38 (2013): 147-170.

³ *Ibid.*, 150.

⁴ Ismail F. Alatas, “Land of the Sacred, Land of the Damned: Conceptualizing Homeland among the Upholders of the Thariqah ‘Alawiyah in Indonesia,” (Prosiding, 4th International Symposium of the Journal Antropologi Indonesia: “Indonesia in the

Abad ke-19M juga menyaksikan perluasan kolonisasi British yang ketara ke atas Malaya dengan pembukaan beberapa pusat pelabuhan di persisir perairan tersebut termasuklah Singapura. Nurulwahidah dalam kajiannya telah menghimpunkan sejumlah rekod yang memberi petunjuk bahawa peratusan pendudukan komuniti Arab Hadrami di Malaya khususnya di wilayah selatan telah mengalami pertambahan yang ketara terutamanya pada hujung abad ke-19M ini.⁵

Suasana ini dipicu oleh faktor penindasan pihak kolonial Belanda yang memberi tekanan ke atas komuniti ini di kepulauan Indonesia melalui penggubalan beberapa undang-undang yang kurang mesra imigran.⁶ Di samping itu, polisi-polisi yang ditawarkan oleh pihak British di pusat pelabuhan Malaya juga telah menarik minat para pedagang termasuk Arab Hadrami untuk menjadikan tempat tersebut sebagai destinasi dagangan alternatif buat mereka berbanding di kepulauan Indonesia,⁷ tanpa menafikan bahawa faktor penyebaran Islam juga turut mendorong kepada penghijrahan ini.⁸ Peningkatan kemasukan pendatang Arab secara tidak langsung telah memberi impak positif kepada kemajuan pentadbiran, intelektual dan keagamaan di wilayah tersebut khususnya Johor.

PENGHIJRAHAN KE NUSANTARA

Senario migrasi ini turut berlaku dalam sejarah hidup Syed Alwi bin Tahir al-Haddad. Syed Alwi bin Tahir bin Abdullah al-Haddār al-Haddād al-Husainī merupakan salah seorang ulama Arab Hadrami

Changing Global Context: Building Cooperation and Partnership?”, University of Indonesia, Depok, July 12–15, 2005), 9.

⁵ Nurulwahidah binti Fauzi, “Ulama Arab Hadrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap sumbangan Syed `Abd Qadir Bin Muhsin Al `Attas Dan Syed `Alwi Bin Tahir Al-Haddad” (Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2012), 65.

⁶ *Ibid.*, 61-62.

⁷ Latifah Abdul Latiff, The Hadrami Arabs in Malaya Before The Second World War” *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 23, Bil.1 (2014), 4.

⁸ Syed Farid Al-Attas, “Hadramaut and The Hadrami Diaspora: Problem In Theoretical History,” 30.

yang berimigrasi di Nusantara. Beliau lahir pada tahun 1301H di perkampungan Qaidun, Hadramaut, Yaman.⁹ Muhammad Abu Bakar Bāzīb mencatatkan bahawa Syed Alwi al-Haddad telah melakukan ekspedisi ke kepulauan Nusantara sebanyak dua kali; sesi pertama berlaku pada 1336H atas urusan pembinaan pusat pendidikan bagi anak-anak komuniti Arab imigran yang menetap di Surabaya yang diberi nama Madrasah Khairiyah, manakala sesi kedua berlaku pada tahun 1341H sebagai penghijrahan tetap di kepulauan tersebut¹⁰.

Kehadiran Syed Alwi al-Haddad ke Tanah Melayu memberi kesan perubahan yang signifikan kepada masyarakat rantau ini. Sebelum penghijrahannya ke Nusantara, beliau telah membina profil ulama Arab Hadrami yang versatil dalam pelbagai bidang. Beliau telah menuntut ilmu dalam fiqah, hadith, tafsir, sastera arab dan lain-lain bidang agama dengan lebih daripada 30 orang ulama sama ada dari kalangan ulama tempatan mahupun ulama luar negeri.¹¹ Muhammad Abu Bakar Bāzīb mengkelaskan barisan guru Syed Alwi al-Haddad kepada 5 kelompok berdasarkan kepada lokasi-lokasi pertemuan dan juga kaedah-kaedah pembelajaran yang diguna pakai¹². Kewibawaannya mula terserlah apabila seawal umur 17 tahun lagi beliau sudah menggerakkan aktiviti pengajaran di masjid bermula selepas solat zohor sehingga jam 10 malam.¹³

Nurulwahidah mencatatkan bahawa konflik yang tercetus antara Syed Alwi al-Haddad dengan kerajaan pemerintah Yaman menjadi punca beliau mula bermigrasi ke dunia luar bagi meneruskan kegiatan intelektual. Pada akhir abad ke-18M, beliau telah menuju ke

⁹ Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh, *Tasyṇīf al-Asmā’ Bi Syuyūkh al-Ijāzah wa al-Samā’*, (Beirut: t.p., 1434H), 14.

¹⁰ Alwi bin Tahir al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *al-Shāmil fī Tārikh al-Hadramaut*, (Jordan: Dar al-Fath, 2017), 25.

¹¹ Majoriti nama gurunya dihimpunkan dalam satu karyanya yang berjudul *al-Khulāṣah al-Syāfiyah fī al-Asānīd al-Āliyah*. Lihat Abu Bakar bin Ahmad al-Ḥabsyī, *al-Dalīl al-Musyīr ilā Falak Asānīd al-Ittiṣāl Bi al-Ḥabīb al-Basyīr Ṣallallāhu Wasallam ‘Alaihi Wa’alā Ālihi Dhawī al-Fadl al-Syahīr Wasahbihī Dhawī al-Qadr al-Kabīr*, (Arab Saudi: Al-Maktabah Al-Makkiyyah, 1997), 235-269.

¹² Alwi bin Tahir al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *al-Shāmil fī Tārikh al-Hadramaut*, 14-20.

¹³ *Ibid.*, 24.

Mekah dan mendapat curahan ilmu agama di bawah didikan Shaykh Ahmad Zaini Dahlan.¹⁴ Beliau turut giat berdakwah di Ethiopia (Habsyah), Somalia dan Zanzibar selama lebih kurang lima tahun sebelum menuju ke Nusantara. Sepanjang permusafirannya ke wilayah-wilayah benua Afrika tersebut, beliau telah mengusahakan pembinaan dua pusat ibadah umat Islam di dua lokasi yang berbeza iaitu Dire Dawa dan Addis Ababa.¹⁵

SUMBANGAN SOSIAL DAN WARISAN INTELEK

Penghijrahan Syed Alwi al-Haddad ke kepulauan Nusantara menjadi fasa yang sangat penting dalam sejarah hidupnya. Beliau aktif memberikan sumbangan sosial dalam pelbagai bentuk. Jasmy Abd Rahman merekodkan bahawa selain diangkat sebagai mufti tidak rasmi bagi komuniti Islam di Bogor, Syed Alwi al-Haddad turut diberi kepercayaan bagi mengemudi organisasi Rabitah Alawiyyah dengan menggalas jawatan sebagai ketua organisasi.¹⁶

Organisasi ini merupakan satu pertubuhan kebajikan bebas politik bagi komuniti Arab Hadrami di Indonesia yang berfungsi menyalurkan bantuan kewangan kepada orang miskin dan balu, serta menawarkan kerja-kerja kosong yang bersesuaian kepada mereka yang memerlukan bagi melandaikan peratus pengangguran.¹⁷ Beliau

¹⁴ Nurulwahidah Fauzi, Abdullah Yusuf, Tarek Ladjal and Mohd Roslan Mohd Nor, "Hadhrami 'ulama' within the Malay-johor activism: the role of Sayyid 'Alwi Bin Tahir Al-haddad (1934-1961)." *Middle-East Journal of Scientific Research* 13, no. 3 (2013): 355.

¹⁵ Alwi bin Tahir al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *al-Shāmil fī Tārikh al-Hadramaut*, 22.

¹⁶ Rabitah Alawiyyah telah ditubuhkan pada 27 Disember 1928M, iaitu dua bulan setelah berlalunya deklarasi Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928M. Lihat Suparto, Halid dan Samsul Adabi bin Mamat, "Bani Alawiyyin in Indonesia and the Malay World: network, development and the role of institution in transmitting the peaceful mission of Islam." *Journal of Indonesian Islam* 13, no. 2 (2019): 279; Mohd. Jasmy b. Abd Rahman, "Syed Alwe Bin Tahir Al-Haddad: Perkhidmatan, Sumbangan Dan Peranannya Membasmi Ajaran Sesat Di Negeri Johor (1934-1961)," (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992/1993), 19-21.

¹⁷ *Ibid.*, 285.

juga menjadi salah seorang anggota jentera yang mengasaskan Darul Aitām; sebuah yayasan yang bergerak menyediakan prasarana pendidikan bagi anak-anak yatim.¹⁸

Tarikh 18 Februari 1934M menjadi titik bersejarah apabila permohonan beliau bagi mengisi kekosongan jawatan mufti Johor diperkenankan oleh Sultan Sir Ibrahim, Sultan Johor Ke-2. Bermula 8 Mac 1935M, beliau menjalankan tugas sebagai mufti Johor rasmi yang ke-4 selepas melalui tempoh percubaan selama 1 tahun sebagai pemangku mufti.¹⁹ Zainatul Nadra, Dawilah al-Edrus dan Intan Farhana bersetuju bahawa sepanjang tempoh dua penggal perkhidmatan sebagai mufti iaitu dari 1935M hingga 1945M dan dari 1948M hingga 1962M, Syed Alwi al-Haddad telah banyak berjasa ke atas negeri Johor kerana beliau telah menjana idea reformasi dari pelbagai sudut termasuklah dalam sektor pendidikan agama, pengurusan organisasi dan industri media cetak.²⁰

Penulisan karya menjadi salah satu instrumen penting yang diguna pakai oleh para ulama silam dalam menyampaikan ilmu agama kepada orang ramai dan mewariskannya kepada generasi akan datang. Syed Alwi al-Haddad cukup aktif dan berprolifik dalam menghasilkan karya walaupun sibuk dengan fasa-fasa penghijrahan dan bebanan amanah pentadbiran yang ditanggung. Menurut Maḥmūd Sa‘īd, jumlah keseluruhan penulisan karya Syed Alwi al-Haddad telah melangkaui lebih 60 buah kitab.²¹ Jumlah tersebut

¹⁸ Nurulwahidah, Abdullah, Tarek and Mohd Roslan, "Hadhrami 'ulama' within the Malay-johor activism: the role of Sayyid 'Alwi Bin Tahir Al-haddad (1934-1961)." 356.

¹⁹ Mohd. Jasmy b. Abd Rahman, "Syed Alwe Bin Tahir Al-Haddad: Perkhidmatan, Sumbangan Dan Peranannya Membasmi Ajaran Sesat Di Negeri Johor (1934-1961)," 20-21.

²⁰ Nur Zainatul Nadra binti Zainol, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus and Intan Farhana Saparudin, "Kajian Sumbangan Sayyid Alwi Bin Tahir al-Haddad Dalam Pengembangan Islam Di Johor: Analisis Sumbangan Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Johor," (Prosiding, Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII: Ulama dan Pemikiran Wasatiyyah Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 8-9 Ogos 2017), 247.

²¹ Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh, *al-Ittijāhāt al-Hadīthiyah fi al-Qarn al-Rabi` `Ashar*, (Kaherah: Dar al-‘Ulūm al-Dīniyah, 2017), 229.

Peranan Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad Dalam Menanggapi Isu-Isu Agama
Di Nusantara (1920-1961): Satu Sorotan

hampir menyamai rekod yang dikumpulkan oleh Muhammad Abu Bakar Bāzīb iaitu sebanyak 63 buah judul karya sama ada masih berbentuk manuskrip ataupun telah dicetak dengan merangkumi 11 jenis tema yang berbeza-beza seperti mana yang tertera di jadual-jadual di bawah:

Jadual 1: Jumlah Judul Buku Berdasarkan Kumpulan Tema

Bil.	Tema Karya	Jumlah Judul Buku
1.	Akidah	2
2.	Ulum Al-Quran	5
3.	Ulum Hadith	4
4.	Fiqah	9
5.	Sejarah & Sirah	19
6.	Kritikan Ilmiah	6
7.	Sastera Arab	3
8.	Tasawuf	3
9.	Ilmu Falak	2
10.	Koleksi rencana, khutbah dan kuliah	7
11.	Ulasan kitab	3

Sumber: Alwi bin Tahir Al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *Al-Shāmil Fī Tārikh al-Hadramaut*, (Jordan: Dar Al-Fath, 2017), 41-78.

Jadual 2: Status Bagi Setiap Judul Buku Berdasarkan Kumpulan Tema

Bil.	Judul	Tema	Status
1.	<i>Risālah fī al-Tawḥīd</i>	Akidah	Dinyatakan di dalam Kitab <i>Al-Riḥlah</i> oleh Ḥasan Ibn ‘Abdullah Al-Kāf

2.	<i>Al-Amālī fī al-Tawḥīd</i> (tidak sempat disempurnakan)	Aqidah	Dinyatakan di dalam <i>al-Dalīl al-Mušīr</i> oleh Al-Ḥabshī
3.	<i>Al-Kalimah al-Jāmi‘ah fī Tafsīr Surah al-Wāqi‘ah</i> (tidak sempat disempurnakan)	Ulum Al-Quran	Dicetak
4.	<i>Għayah al-Tahrīr wa al-Itqān fīmā Warada fī Takbīr Ākhir al-Qurān</i>	Ulum Al-Quran	Manuskrip; dalam simpanan Maktabah Ribat Qaidun
5.	<i>Al-Amālī fī ‘Ulūm al-Tafsīr</i>	Ulum Al-Quran	Dinyatakan di dalam <i>al-Dalīl al-Mušīr</i> oleh Al-Ḥabshī
6.	<i>Al-Amālī fī ‘Ulūm al-Qur’ān</i>	Ulum Al-Quran	Dinyatakan di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā’ Shihāb
7.	<i>Risālah fī Hukm ‘Adamat Jawāz Tarjamah al-Qur’ān</i>	Ulum Al-Quran	Hilang; disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā’ Shihāb
8.	<i>Al-Zahr al-Fāih fī Takhrīj Ahādīth al-Naṣāih</i>	Hadith	Dinyatakan di dalam surat beliau pada 9 Safar 1355H.
9.	<i>Al-Amālī fī Qawā‘id Muṣṭalah al-Hadīth wa Fawāid min ‘Ilm al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl</i>	Hadith	Manuskrip; dalam simpanan Adnan al-Haddad, cucunda Syed Alwi al-Haddad
10.	<i>Al-Khulāṣah al-Shāfiyah fī al-Asānid al-‘Aliyyah</i>	Hadith	Dicetak bersama <i>al-Dalīl al-Mušīr</i> oleh Al-Ḥabshī
11.	<i>Mukhtaṣar ‘Aqdu al-Lal lil Sayyid ‘Idrus bin ‘Umar al-Ḥabshī</i>	Hadith	Disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā’ Shihāb
12.	Fatwa-Fatwa Kerajaan Negeri Johor	Fiqh	Dicetak

Peranan Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad Dalam Menanggapi Isu-Isu Agama
Di Nusantara (1920-1961): Satu Sorotan

	<i>Dhawu' al-Qarīhah wa Nūr al-Barāhīn al-Šāhīhah fī Rad ma Ghalaṭa fīhi Muallif al-Naṣīḥah</i>	Fiqah	Manuskrip; dalam simpanan perpustakaan Ribat Qaidun dan cucunya.
13.	<i>Risālah fī Tahrīm Luhūm al-Qiṣā'</i>	Fiqah	Manuskrip; dalam simpanan Syed Hamid Al-Haddad
15.	<i>I'ānah al-Nāhidh ila Ilm al-Farāidh</i>	Fiqah	Dicetak
16.	<i>Iqāmah al-Dalīl alā Istiħbāb al-Taqbīl</i>	Fiqah	Manuskrip
17.	<i>Kitāb fī Aḥkām al-Ankiħāħ wa al-Qadhā'</i>	Fiqah	Hilang; disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
18.	<i>Risālah fī Hukm al-Māl al-Dhā'i'</i>	Fiqah	Hilang; disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
19.	<i>Al-Radd 'alā Ibn Nu'mān fī Rafi' al-Zakāt ilā al-Sultān</i>	Fiqah	Hilang; disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
20.	<i>Al-Radd 'alā Ibn Nu'mān</i> (dalam isu yang berbeza)	Fiqah	Disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
21.	<i>Durūs al-Sīrah al-Nabawiyah</i>	Sejarah	Dicetak
22.	<i>Al-Shāmil fī Tarīkh Hadramaut</i>	Sejarah	Dicetak
23.	<i>Uqūd al-Mās bi Manāqib al-Imām al-'Arif Billah al-Habīb Ahmad Ibn al-Hasan al-'Attas</i>	Sejarah	Dicetak

24. <i>Al-Madkhāl ilā Tārikh al-Islām fī al-Sharq al-Aqṣā</i>	Sejarah	Dicetak
25. <i>Tārikh Dukhūl al-Islām bi Jawa wa Sumatera wa al-Filiybīn</i>	Sejarah	Dicetak; disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
26. <i>Nūr al-Abṣār bi Manāqib al-Habib Abdullāh Ibnu Tāhā Al-Haddar</i>	Sejarah	Tidak diketahui
27. <i>Al-Āṭrāf min Akhbār al-Ashrāf</i>	Sejarah	Manuskrip; dalam simpanan perpustakaan Ribat Qaidun
28. <i>Janyu al-Shamārīkh fī Jawāb As'īlah fī al-Tārīkh</i>	Sejarah	Dicetak
29. Risalah yang berbeza berkenaan soal jawab sejarah	Sejarah	Dinyatakan di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
30. <i>Ta'līqāt 'alā Kitab al-Rawd al-Jalī li Murtadā al-Zabīdī</i>	Sejarah	Dinyatakan di dalam surat beliau yang diutuskan kepada Syed Alwi Ibn Ahmad pada 8 Muharram 1353H
31. <i>Al-Tabaqāt al-'Alawiyah</i>	Sejarah	Manuskrip; disebut di dalam <i>Rasfu al-Salāf</i> oleh Abu Bakar al-Masyhūr
32. <i>Al-Rīḥlah al-Daw'āniyyah</i>	Sejarah	Manuskrip; dalam simpanan Perpustakaan Ribat Qaidun
33. <i>Al-Rīḥlah al-Tarīmiyyah</i>	Sejarah	3 Manuskrip; di Huraidhah, Perpustakaan Ribat Qaidun dan dalam simpanan Muhsin Ibn Salim Al-Attas
34. <i>Ta'qīb wa Tanqīb an al-Mulaqqāb bi al-Nuqāt min Āli al-Naqīb</i>	Sejarah	Dicetak di Jakarta

Peranan Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad Dalam Menanggapi Isu-Isu Agama
Di Nusantara (1920-1961): Satu Sorotan

35. <i>Mukhtaṣar Tārīkh Hisān</i>	Sejarah	Disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
36. <i>Amālī fī al-Tārīkh</i>	Sejarah	Disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
37. <i>Tarājum Ba'd al-'Amūdiyīn</i>	Sejarah	Disebut di dalam <i>al-Shāmīl</i> oleh Syed Alwi al-Haddad sendiri
38. <i>Mukhtaṣar Barīq al-Mashāriq</i>	Sejarah	Disebut di dalam <i>al-Shāmīl</i> oleh Syed Alwi al-Haddad sendiri
39. <i>Nubdhah fī Ansāb al-Sādah Banī Alawī</i>	Sejarah	Dicetak sebagai lampiran di dalam <i>Nūr al-Anwār</i> oleh Hussain Al-Rifā'i
40. <i>Hāshim wa Quraish wa al-'Arab min al-Faḍl</i>	Kritikan Ilmiah	Dicetak
41. <i>Anwār al-Qurān al-Māhiyah li Zulumāt Mutanabbī Qadiānī</i>	Kritikan Ilmiah	Dicetak
42. <i>Iqāmah al-Dalīl 'alā Aghlāt al-Habīb fī Naqdihī li al-'Atb al-Jamīl</i>	Kritikan Ilmiah	Dicetak
43. <i>Al-Radd 'alā Ibn Khaldūn fī Qā'idatihi fī al-Nasb wa Naqdihā</i>	Kritikan Ilmiah	Disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
44. <i>Ithmad al-Baṣāir bi al-Baḥth fī Madhhab al-Muhājjir</i>	Kritikan Ilmiah	Manuskrip; disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb
45. <i>Aḥmad bin 'Ata'i al-harāzī</i> (Tidak sempat diselesaikan)	Kritikan Ilmiah	Manuskrip; disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiyā' Shihāb

46.	<i>Al-Farāid al-Lu'lu'iyyah fī al-Qawā'id al-Nahwiyyah</i>	Sastera Arab	Dicetak
47.	<i>Dīwān Shi'rihi</i>	Sastera Arab	Disebut di dalam komentar Shams al-Zahīrah oleh Dhiyā' Shihāb
48.	<i>Risālah fī Istibdāl al-Hurūf al-'Arabiyyah bi al-Harf al-Lātīnī</i>	Sastera Arab	Disebut di dalam komentar Shams al-Zahīrah oleh Dhiyā' Shihāb
49.	<i>Nubdhah min Kalām al-Habīb Ahmad Ibn Hasan Al-Attāṣ</i>	Tasawuf	Mansukrip; dilampirkan dalam <i>Tanwīr al-Aghlās</i> oleh Muhammad Ibn 'Iwād Bāfadāl
50.	<i>Al-Radd 'alā Ba'd al-Mutaṣawifah fī Talā'ubihim bi Lafẓ al-Jalālah</i>	Tasawuf	Manuskrip; dalam simpanan Ribat Qaidun (antara karya beliau yang terawal)
51.	<i>Sharḥ 'alā Qaṣīdah al-Habīb Muhammad Ibn Tahir Al-Haddad</i>	Tasawuf	Manuskrip; dalam simpanan perpustakaan Ribat Qaidun
52.	<i>Majmū'ah min Ulūm al-Kalām</i>	Falak	Manuskrip; dalam simpanan Adnan Al-Haddad
53.	<i>Risālatān fī Ilm al-Falak</i> (2 Risalah)	Falak	Manuskrip; disebut dalam surat anaknya, Syed Hamid kepada Hamid Masyhur Al-Haddad.
54.	Koleksi rencana dalam Majalah al-Rabitah	Koleksi karya	Dicetak
55.	Koleksi rencana dalam akhbar Arab ²²	Koleksi karya	Dicetak

²² Abū 'Iwād Al-Shibāmī, "Tārīkh Al-Šahāfah Al-Hadramiyah", laman sesawang Saqīfah al-Shibāmī, diakses 24 September 2009, <http://www.alshibami.net/saqifa/showthread.php?p=391503&fbclid=IwAR1R8Q1GxNei6XWUfk3nzzmT6dLQPxevvWoQtcCPvmUbBb7sDcd7keFVhMc>.

Peranan Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad Dalam Menanggapi Isu-Isu Agama
Di Nusantara (1920-1961): Satu Sorotan

56.	Koleksi rencana dalam Warta Jabatan Agama Johor	Koleksi karya	Dicetak
57.	Koleksi kuliah di Indonesia	Koleksi karya	Dicetak
58.	Koleksi surat-menyurat	Koleksi karya	Dicetak; dilampirkan dalam <i>Bahjah al-Khātir</i> oleh Alwi Ibn Muhammad Al-Haddad
59.	Koleksi teks khutbah	Koleksi karya	Disebut di dalam komentar <i>Shams al-Zahīrah</i> oleh Dhiya' Shihāb
60.	Ulasan dan tambahan kitab <i>Shajarah Banī Alawi al-Kubrā</i>	Ulasan Kitab	Manuskrip
61.	Ulasan kitab <i>Shams al-Zahīrah</i>	Ulasan Kitab	Manuskrip; dilampirkan dalam kitab <i>Shajarah Banī Alawi al-Kubrā</i> oleh Sālim Ibn Ahmad Hissan
62.	Peta minda nasab Āli Al-Haddad	Ulasan kitab	Manuskrip; dalam simpanan perpustakaan Ribat Qaidun

Sumber: Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *Juhūd Fuqahā' Hadramaut fī Khidmat al-Madhhab al-Shāfiī*, (Jordan: Dar Al-Fath, 2017), 1234-1241.

Jadual 3: Senarai Artikel & Fatwa Syed Alwi al-Haddad di dalam Warta Jabatan Agama Johor

Bil.	Bulan/Tahun Keluaran Masih	Tajuk Artikel
1.	Disember 1950	Mandi Safar
2.	Oktober 1950	Isu cerai taklik

3. November 1950	Isu wilayah dan perkahwinan
4. Oktober 1951	Perkara tulisan Melayu dan Roman (Siri 1)
5. November 1951	Tulisan Melayu dan Roman (Siri 2)
6. Disember 1951	Kuatkuasa wali mujbir dalam nikah
7. Januari 1952	Kononnya ada kahwin paksa dalam Islam!
8. Februari 1952	Bebas yang tiada had di Roman datang bala itu?
9. April 1952	Berkenaan menanam mayat anak angkat yang berasal daripada ibu bapa kafir mati pada masa kecilnya
10. Mei 1952	Berkenaan barang yang haram dan masalah qadar
11. Jun 1952	Perkara sembahyang muadah
12. Julai 1952	Hukum bacaan-bacaan agama di radio
13. Ogos 1952	Hukum mendirikan madrasah di tanah wakaf masjid
14. September 1952	Sebab selisih taqwim-taqwim Tahun Hijriah Masalah kanak-kanak yang gugur, kira-kira faraid, hukum gambar, belajar fardu ain itu wajib di atas perempuan sekalipun keluar rumah dan wajib wali perempuan menyempurnakan pada mengetahui fardu ain itu.
15. November 1952	
16. Februari 1954	Perkara tulisan Melayu & Rumi (Siri 1)
17. Mac 1954	Perkara tulisan Melayu & Rumi (Siri 2)
18. April 1954	Perkara tulisan Melayu & Rumi (Siri 3)
19. Mei 1954	Ikhtiar mencegah Taslim di Segamat
20. Jun 1954	Perkara hukum seorang yang tidak berkhatan
21. Julai 1954	Perkara-perkara hukum ikan besar di garam belum di belah perut <ul style="list-style-type: none"> - Beberapa ajaib hikmah Allah dan kuatkuasanya pada matahari - Memang berhaji dan raya haji mesti melihat anak bulan - Perkara sagu hati askar yang terkorban adakah jadi pusaka - Penjelasan Mufti Kerajaan Johor kepada al- Fādil Tuan Hj. Mokhtar (Siri 1)
22. Ogos 1954	
23. September 1954	

Peranan Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad Dalam Menanggapi Isu-Isu Agama
Di Nusantara (1920-1961): Satu Sorotan

	- Al-Fādil Tuan Haji Mokhtar tidak mengerti keterangan mufti Johor
24. Oktober 1954	- Fatwa beriktikad Nabi tahu membaca & menulis
	- Penjelasan Mufti Kerajaan Johor Kepada al- Fādil Tuan Hj. Mokhtar (Siri 2)
25. November 1954	Perkara menyatakan rukun-rukun islam di radio
26. Disember 1954	Quran Kalam Allah
27. Januari 1955	Soal Sirat al-Mustaqim
28. Februari 1955	Sambungan daripada muka bil. 62 Warta Jabatan Agama
29. Mac 1955	Siapa mengakukan mazhab empat...?
30. April 1955	Adakah rasul2 terdahulu diutus khas kepada kaumnya... ? (siri 1)
31. Mei 1955	Adakah rasul2 terdahulu diutus khas kepada kaumnya... ? (siri 2)
32. Jun 1955	Lakonan murid-murid di majlis ibu bapa
33. Julai 1955	Talik tiada saksi & lain2
34. Ogos 1955	Perkara tentang anak lahir di hospital, mayatnya dibakar?
35. September 1955	Orang islam mati dengan sebab penyakit cacar... ?
36. Oktober 1955	Suami bertaklik: "Kalau aku makan masakan kau, aku jadi yahudi."
37. Disember 1955	Di dalam hadas besar membuang kuku
38. Januari 1956	Kalender cina meletakkan gambar budha pada tentang hari Maulid Nabi
39. Februari 1956	Perkara nikah dengan perempuan hamil zina?
40. April 1956	Perkara mengkerinting rambut dan agama sesat
41. Mei 1956	Perkara hukum memakan penyu
42. Jun 1956	Perkara suami isteri bercampur selepas salah seorang memeluk agama Islam
43. Julai 1956	Perkara wasiat dan dalam Jumaat
44. Julai 1956	<i>Anwār al-Qurān al-Māhiyah li Zulumāt Mutanabbi'</i> <i>Qādiyān</i> (Siri 1)
45. Ogos 1956	<i>Anwār al-Qurān Al-Māhiyah li Zulumāt Mutanabbi'</i> <i>Qādiyān</i> (Siri 2)

46. September 1956	<i>Anwār al-Qurān Al-Māhiyah li Zulumāt Mutanabbi'</i> <i>Qādiyān</i> (Siri 3)
47. Oktober 1956	<i>Anwār al-Qurān Al-Māhiyah li Zulumāt Mutanabbi'</i> <i>Qādiyān</i> (Siri 4)
48. Disember 1956	Perkara suami memecahkan tabung simpanan berdua
49. Januari 1957	Perkara isteri pergi haji menumpang orang lain kerana suaminya uzur
50. Mac 1957	Wang bunga diberi kepada masjid
51. April 1957	Fidyah & fitrah
52. Mei 1957	Membeli kanak2 kafir & lain2
53. Julai 1957	Patung2 & gambar2 lukisan
54. Ogos 1957	Perkara perempuan datang haid waktu mengerjakan haji
55. September 1957	Perkara soal-jawab Hassan Ahmad Bandung
56. Oktober 1957	Penerangan mufti mengenai isu Hassan Bandung
57. November 1957	Perkara fitrah tiada ijab kabul dan lain-lain <ul style="list-style-type: none"> - Imam bertanya apa kata tuan ke atas mayat itu? - [Hukum] tanah atau rumah sewa dijualkan dalam masa yang tertentu.
58. Disember 1957	Menggunakan mani laki-laki lain kerana ingin isterinya beranak
59. Februari 1958	Perkara masalah fitrah <ul style="list-style-type: none"> - Khatib pitam tengah khutbah - Kenapa tidak sah sembahyang sunat kalau tidak sembahyang fardu. - Orang belum masuk tarikat tidak boleh bawa tahlil.
60. Mac 1958	Berubat dengan pawang dan lain-lain
61. April 1958	Makmum genap 40, seorang batal wuduk <ul style="list-style-type: none"> - Kaum muslimin & kaum muda (siri 1) - Menggunakan pendapatan hasil loteri kebajikan pada mendirikan masjid-masjid, sekolah-sekolah agama, surau. - Kaum muslimin & kaum muda (siri 2) - Kemerdekaan pada sisi agama
62. Mei 1958	
63. Julai 1958	
64. Ogos 1958	
65. Oktober 1958	
66. November 1958	Melihat gambar orang zina
67. Disember 1958	Isteri mendakwa suami menyuruh isterinya berzina

Peranan Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad Dalam Menanggapi Isu-Isu Agama
Di Nusantara (1920-1961): Satu Sorotan

68. Januari 1959	Perkara tidak duduk di antara dua khutbah
69. Januari 1959	Perkara masalah sembahyang
70. Oktober 1959	Perkara orang islam belajar kristian.
71. Januari 1960	Perkara bernikah dengan adik susu
	- Risalah Dato' Mufti membangkang "Ibadat Rasulullah".
72. April 1960	- Perkara membaca al-Quran kerana mencari kemenangan.
73. Mei 1960	Perkara pembahagian pusaka
74. Jun 1960	Mufti Johor tiada menghalalkan riba
75. Ogos 1960	Persoalan akidah
76. Januari 1961	Taklik cerai kalau isteri hamil
77. Jun 1961	Meruntuhkan masjid buruk
78. Julai 1961	Wang ansuran kemalangan
79. September 1961	Mengambil tanah wakaf dijadikan milik sendiri
80. Januari 1962	Niat dalam takbiratul ihram
81. Ogos 1962	Nazar, takliq
82. September 1962	Hadalah dan berulang-ulang lafaz talak

Sumber: Nurulwahidah binti Fauzi, "Ulama Arab Hadrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam Di Johor", 180 – 182, dengan beberapa penambahan dan suntingan daripada penulis.

Jadual-jadual di atas dapat membantu mengeluarkan beberapa rumusan berkenaan kesarjanaan Syed Alwi al-Haddad dalam lapangan *Ulūm Islāmiyyah*. Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan bahawa tema historikal dan fiqh menjadi tema tumpuan utama beliau dalam menghasilkan karya iaitu sebanyak 19 buah judul buku, malah secara tidak langsung memperlihatkan keluasan maklumat dan kepakaran beliau dalam lapangan sejarah dan fatwa. Walaupun tema ulum hadith kurang mendominasi iaitu 4 buah judul buku sahaja, namun mutu pengisian yang dimuatkan dalam karya-karyanya itu

mendapat pengiktirafan daripada para sarjana Islam sehingga digelar sebagai Muhadīth.²³

Himpunan sanad hadith *musalsāl* dan karya-karya induk hadith yang berstatus ‘ālī (tinggi) telah dibukukan oleh beliau dan telah dijadikan sebagai sumber rujukan oleh para karyawan thabat pada zaman tersebut di dalam thabat masing-masing semisal Yāsīn al-Fādānī, Abū Bakr al-Habshī dan Shihab al-Dīn al-Mar‘ashī. Koleksi teori ilmu muṣṭalah hadith dan ilmu *rījāl* turut dibukukan bahkan ditonjolkan pengaplikasiannya dalam *al-Żahr al-Fāih fī Takhrij Ahādīth al-Naṣāih* menerusi satu analisis takhrij yang bersifat rinci dan luas terhadap kumpulan hadith yang terkandung di dalam *al-Naṣāih al-Dīniyah Wa al-Waṣāyā al-Imāniyah*.²⁴

Jadual 2 juga merumuskan bahawa walaupun jumlah karya yang dihasilkan oleh Syed Alwi al-Haddad adalah banyak, namun judul yang telah dicetak agak sedikit jika dibandingkan dengan yang belum dicetak; sama ada masih kekal berstatus manuskrip ataupun telah hilang daripada simpanan. Rumusan ini memberikan gambaran satu kerugian kepada umat Islam jika keadaan ini berterusan tanpa ada sebarang usaha yang digerakkan untuk menggali semula khazanah ilmu yang tersimpan dalam setiap helaian karya yang ditulis oleh beliau.

Jadual 3 pula menunjukkan bahawa sebanyak 136 artikel dan fatwa telah berjaya dihasilkan oleh Syed Alwi al-Haddad serta diterbitkan dalam Warta Jabatan Agama Johor sepanjang perkhidmatannya sebagai mufti Johor, khususnya dalam tempoh penggal ke-2, iaitu antara tahun 1950M hingga tahun 1962M. Kebanyakan artikel tersebut berbentuk tunggal, melainkan beberapa tajuk yang diterbitkan secara bersiri, yang memberikan satu gambaran bahawa terbitan artikel dan fatwa bersiri tersebut menjadi antara isu hangat yang melatari masyarakat Johor pada ketika itu.

²³ *Ibid.*, 229; Lihat juga, Abd al-Rahman Ibn ‘Ubaidillah al-Saqqāf, *Idām al-Qūt*, (Beirut, Dar al-Minhaj, 2005), 398.

²⁴ Alwi bin Tahir al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *al-Shāmil fī Tārikh al-Ḥadramaut*, 43-44.

Dapatkan-dapatkan ini memberikan satu makna bahawa Syed Alwi al-Haddad merupakan seorang penulis yang aktif, berpengetahuan luas dan amat cakna dengan isu-isu semasa. Berdasarkan kewibawaan yang terserlah menerusi kualiti dan kuantiti karya-karyanya ini, sebahagian ulama telah mengangkatnya dengan gelaran yang tertinggi dalam masyarakat Islam iaitu Shaykh al-Islam.²⁵

KECAKNAAN TERHADAP ISU-ISU AGAMA DI NUSANTARA

Di Johor, jawatan mufti yang disandang oleh Syed Alwi al-Haddad menjadi platform untuk beliau memberikan sumbangan sosial dalam aspek pemurnianan pemikiran masyarakat berkaitan agama Islam. Walaupun keseluruhan fatwanya lebih memberati perihal isu fiqah dan syariah berbanding akidah dan tasawuf, namun beliau turut membahaskan secara eksklusif dalam majalah rasmi Jabatan Agama Johor berkenaan beberapa fahaman menyeleweng yang aktif seperti Qadiani dan Taslim.²⁶

Mohd Jasmy membuat kesimpulan bahawa keterampilan Syed Alwi al-Haddad yang lebih menonjol dalam lapangan kefatwaan berbanding dengan barisan mufti Johor yang lain telah didasari oleh 3 faktor; 1) tempoh perkhidmatan yang lama iaitu selama 24 tahun, 2) lambakan isu-isu kontroversi yang muncul dalam tempoh tersebut, 3) kepesatan industri media cetak menerusi kemunculan banyak syarikat percetakan di Singapura.²⁷ Beberapa siri kritikan dan jawab balas turut berlaku antara beliau dengan beberapa ilmuan lain terutamanya perihal aliran kaum muda dan aliran kaum tua serta persoalan-

²⁵ 'Abd al-Rahman Ibn Muḥammad al-Masyhūr, *Shams al-Zāhirah Fī Nasab Ahl al-Bayt Min Banī 'Alwī Furū'* Fātimah al-Zahrā' Wa Amīr al-Mu'minīn Ali Radiyallahu 'Anhu, (Jeddah, Ālam al-Makrifah, 1984), 558.

²⁶ Zulkifli Muhammad Al-Bakri, "Manhaj Istibat Fatwa di sisi Al-A'llamah Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad," (Prosiding, Seminar Pemikiran Tokoh Mufti Siri 1, Universiti Sains Islam Malaysia, 24 September 2013),7.

²⁷ Mohd. Jasmy b. Abd Rahman, "Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad: Perkhidmatan, Sumbangan Dan Peranannya Membasmi Ajaran Sesat Di Negeri Johor (1934-1961)," 79-82.

persoalan yang berbangkit daripada perihal ini. Realiti ini membawa kepada kesuburan budaya ilmu yang bersifat kritikal.

i. Isu Perseteruan Kaum Muda Dan Kaum Tua

Dikotomi Kaum Muda dan Kaum Tua menjadi isu hangat yang melatari tahun-tahun perkhidmatan Syed Alwi al-Haddad. Antara momen penting yang boleh diketengahkan ialah kritikan Syed Alwi al-Haddad terhadap idea-idea Islah oleh Hassan Bandung yang terkandung dalam karyanya seperti “Soal-Jawab” dan “Tafsir Al-Quran”²⁸ serta Abu Bakar Asyauri dalam “Ibadat Rasulullah”.

Pada 14 Julai 1958, dalam satu kenyataan akhbar berjudul “Tiada Guna Kerana Mengelirukan Orang Ramai Kaum Muda Menyebabkan 30 Juta Jadi Komunis” terbitan majalah Semenanjung, Syed Alwi al-Haddad menegaskan bahawa karya-karya tersebut wajar ditolak dan disisihkan.²⁹ Penolakan ini berasaskan kepada dakwaan wujudnya ketidakpercayaan mereka terhadap beberapa perkara yang dilabel sebagai *al-ma lūm min al-dīn bi al-darūrah* di samping kewujudan eleman takfir ke atas umat Islam dalam karya tersebut.

Kritikan ini membawa kepada penulisan “Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor” oleh Haji Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali dengan gelaran Buya Hamka pada 8 Ogos 1958 sebagai respon kritikal terhadap kenyataan Alwi al-Haddad itu. Buya Hamka menyifatkan kenyataan Syed Alwi al-Haddad tersebut sebagai satu bentuk tuduhan yang melampau dan tidak berasas. Sebagai tambahan, pergeseran idea antara dua tokoh agama ini begitu menular pada zaman tersebut. Dalam beberapa tempat yang lain, Buya Hamka telah menggunakan laras bahasa yang agak kasar sebagai isyarat lantang

²⁸ Ahmad Nabil Amir, “Pemikiran Tafsir A. Hassan Bandung”, laman sesawang Islamic Renaissene Front, diakses 15 November 2021, <https://irfront.net/post/articles/pemikiran-tafsir-a-hassan-bandung-2/>

²⁹ Hamka, Djamal Tukimin dan Jamil Nawar, ed., *Sebuah Polemik Agama: Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, ed. 2010, (Shah Alam, Pustaka Dini, 2010) 13-16; Lihat juga Al-Haddad, Alwi bin Tahir, *Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, ed. Ke-3 (Johor: Bahagian Penerbitan Pejabat Agama Johor, 2013), 228-233.

bahawa mufti Johor pada ketika itu telah tersasar daripada memainkan peran yang sebenar sebagai seorang ulama.³⁰

Pada bulan April 1960, Syed Alwi al-Haddad sekali lagi menegaskan akan kekhuitirannya terhadap Kaum Muda yang mana Abu Bakar Asyaari menjadi salah seorang tokoh penting dalam gerakan pembaharuan tersebut. Menerusi rencana berjudul “Risalah Dato Mufti Membangkang Ibadah Rasulullah” terbitan Warta Jabatan Agama Johor itu, Syed Alwi al-Haddad telah membongkarkan sekurang-kurangnya 8 bukti pendustaan Abu Bakar Asyaari ke atas Rasulullah dalam menginterpretasikan hadith-hadith berkaitan wudhu dan solat ke dalam bentuk gambar rajah serta 2 bukti dalam bentuk teori. Beliau turut menonjolkan kesilapan metodologi penterjemahan yang diamalkan oleh Abu Bakar Asyaari di dalam karya tersebut yang menatijahkan pendustaan ke atas Rasulullah.³¹

ii. Isu Pensabitan Bulan Zulhijjah

Konflik penentuan Hari Raya Aidiladha turut mewarnai karier beliau sepanjang penglibatannya dalam institusi fatwa. Beberapa siri jawab balas antara Mohktar Ahmad³² dan Syed Alwi al-Haddad yang berlaku ini bermula apabila Mohktar Ahmad mempersoalkan secara terang-terangan di dada akhbar Utusan Melayu bertarikh 12 Julai 1954 tentang usaha Jabatan Agama di Malaya yang memperuntukkan sejumlah perbelanjaan untuk proses melihat anak bulan Zulhijjah. Menurut beliau, pensyariatan melihat anak bulan hanya berlaku pada dua keadaan sahaja; iaitu puasa Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Lantas, beliau mengutarakan agar barisan ulama yang berkhidmat

³⁰ Norshahril Saat, "Johor and Traditionalist Islam: What This Means for Malaysia." *Southeast Asian Affairs* (2018): 188.

³¹ Al-Haddad, Alwi bin Tahir, "Risalah Dato' Mufti Membangkang Ibadah Rasulullah," *Warta Jabatan Agama Johor*, April 1960, 3-7.

³² Tuan Haji Mohd. Mokhtar bin Ahmad merupakan salah seorang ulama kelahiran Kelantan yang bertugas sebagai pengetua di Kuliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar Pahang. Lihat Mohd Fadhl Ghani, "Biografi PAS: Tuan Guru Haji Mokhtar Ahmad: Calon PAS 1955 Di Pasir Mas", laman sesawang Berita PAS, diakses 25 Mei 2017, <https://berita.pas.org.my/biografi-pas-tuan-guru-haji-mokhtar-ahmad-calon-pas-1955-di-pasir-mas/>.

dalam Majlis Agama Raja-Raja Melayu menjawab desakan tersebut.³³

Persoalan tersebut dijawab oleh Syed Alwi al-Haddad pada 4 Ogos 1954 melalui terbitan Utusan Melayu dengan melampirkan ayat ke-189 daripada surah Al-Baqarah dan 2 hadith iaitu hadith pemulauan Rasulullah terhadap para isterinya dan hadith suruhan berpuasa Ramadhan apabila nampak anak bulan daripada riwayat Abd al-Rahmān Ibn Zayd sebagai antara dalil kewajipan perkara tersebut. Namun, pertikaian yang berlaku itu menjadi berlanjutan apabila hampir semua kenyataan Syed Alwi al-Haddad tersebut disanggah semula. Mokhtar Ahmad sekali lagi menegaskan bahawa keputusan *istinbāt* tersebut tiada kaitan langsung dengan dalil-dalil yang dikemukakan dengan menyatakan bahawa kesimpulan daripada ayat Al-Quran itu hanyalah merumuskan dua perkara sahaja; iaitu faedah anak bulan dan ia boleh dijadikan sebagai tanda waktu.³⁴

Rentetan daripada itu, Syed Alwi al-Haddad menulis 2 makalah jawapan pada bulan seterusnya di bawah terbitan Warta Jabatan Agama Johor secara serentak. Dalam makalah pertama, beliau secara ringkas meluruskan semula kegelinciran Mokhtar Ahmad dalam memahami teks jawapan beliau sebelum ni dan turut mempertikaikan tindakannya yang terang-terangan boleh menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat.³⁵ Dalam makalah kedua pula, Syed Alwi al-Haddad secara rinci telah memuatkan 11 dalil daripada Al-Quran dan hadith beserta analisis takhrij dan sokongan huraiyan daripada para sarjana silam semisal al-Adhra'ī, al-Ziyādī, al-Haitamī, al-Shūbarī dan sarjana terkemudian seperti Bakhīt Al-Muṭī'ī, Abd al-Rahman al-Sā'ātī dan lain-lain lagi sebagai tanda

³³ Al-Haddad, Alwi bin Tahir, "Memang Berhaji dan Raya Haji Mesti Melihat Anak Bulan," *Warta Jabatan Agama Johor*, Ogas 1954, 14.

³⁴ Mokhtar Ahmad, "Keterangan Mufti Johor Belum Dapat Dipegang," *Warta Jabatan Agama Johor*, September 1954, 10-11.

³⁵ Al-Haddad, Alwi bin Tahir, "Al-Fādhil Tuan Haji Mokhtar Tidak Mengerti Keterangan Mufti Johor," *Warta Jabatan Agama Johor*, September 1954, 11-12.

bahawa beliau tidak bersendirian dalam menghasilkan keputusan istinbat ini.³⁶ Antara dalil tersebut ialah hadith yang berikut:

صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ، وَافْطُرُوا لِرُؤْيَتِهِ، وَانْسُكُوا لَهَا

Maksudnya: Berpuasalah dan berbuka puasalah serta tunaikanlah ibadah apabila kalian melihat anak bulan.³⁷

Menurut kaedah sastera arab, huruf (لام) (لَام) pada kalimah (رُؤْيَتِهِ) (رُؤْيَتِهِ) berperanan sebagai لام التعليل yang membawa maksud konteks ayat selepas kalimah tersebut menjadi faktor kepada keberadaan subjek sebelumnya, manakala kalimah (انْسُكُوا) (انْسُكُوا) berasal daripada kalimah (النسُك) (النسُك) yang bermaksud ibadah haji.³⁸ Maka, permulaan ibadah puasa Ramadan, puasa pada bulan-bulan haram dan ibadah haji akan bermula bergantung kepada kemunculan anak bulan. Terdapat hadith lain dengan riwayat yang sahih menurut al-Dāraqutnī³⁹ daripada jalur al-Husain Ibn al-Hārith yang membawakan lafaz yang lebih jelas iaitu:

أَنَّ أَمِيرَ مَكَّةَ حَطَبَ، ثُمَّ قَالَ: عَهْدَ إِلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَنْسَكَ لِلرُّؤْيَاةِ، فَإِنْ لَمْ تَرِهِ، وَشَهَدَ شَاهِدًا عَدْلٌ نَسْكُنَا بِشَهَادَتِهِمَا.

³⁶ Al-Haddad, Alwi bin Tahir, "Penjelasan Mufti Kerajaan Johor kepada Al-Fādhil Tuan Haji Mokhtar," *Warta Jabatan Agama Johor*, September 1954, 13-20.

³⁷ Hadith riwayat al-Nasā'ī, Kitab al-Janā'iz, Bab Qabūl Syahādah al-Rajl al-Wāhid 'alā Hilāl Syahr Ramadān, no. Hadith 2116, lihat Ahmad Ibn Syu'ib al-Nasā'ī, *Sunan Al-Nasā'ī*, (Kaherah: Dar al-Hadith, 1987), 3: 120; Al-Dāraqutnī, 'Kitab al-Šiyām, Bab al-Syahādah 'alā Ru'yah al-Hilāl, no. hadith 2193, lihat Ali Ibn Umar al-Dāraqutnī, *Sunan Al-Dāraqutnī*, (Beirut: Muassasah Risalah, 2004), 3: 120.

³⁸, Muhammad Ibn Abd al-Hādī al-Sindī, *Hasyiah al-Sindī 'alā Musnad al-Imām Ahmad Ibn Hanbal*, (Madinah: Dar al-Ma'thūr, 1431H), 4: 386.

³⁹ Al-Dāraqutnī, *Sunan Al-Dāraqutnī*, 3:118.

Maksudnya: Sesungguhnya penguasa Makkah telah berkhutbah, lalu dia berkata: “Rasulullah SAW telah berjanji kepada kami bahawa kami akan mula beribadah(menunaikan haji) dengan sebab melihat anak bulan(Zulhijjah), namun jika kami tidak dapat melihatnya dan terdapat dua orang saksi adil tampil memberikan penyaksian (akan munculnya anak bulan), maka kami akan beribadah berdasarkan kepada kesaksian dua orang tersebut.”⁴⁰

Teks hadith ini menguatkan lagi hujah Syed Alwi al-Haddad bahawa wujudnya kebergantungan ibadah haji terhadap proses melihat anak bulan di awal bulan Zulhijjah.

iii. Isu Kesesatan Qadiani dan Taslim

Perkembangan ajaran Qadiani dan Taslim bergerak sejajar dengan perjalanan hidup Syed Alwi al-Haddad memandangkan kemunculannya bermula pada Disember 1888 apabila Mirza Ghulam Ahmad secara terang-terangan mendakwa telah menerima wahyu daripada Allah S.W.T lalu menubuhkan satu jemaah di Qadiani bagi menggerakkan aktiviti penyebaran dakyah.⁴¹

Pelbagai teori dikemukakan oleh para pengkaji tentang sejarah awal kemasukan ajaran ini ke Tanah Melayu termasuklah seperti melalui Sher Muhammad Khairuddin⁴² pada tahun 1906M, melalui penyebaran majalah *Islamic Review* yang diterbitkan oleh *The*

⁴⁰ Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Šaum, Bab Syahādah al-Rajulain ‘alā Ru’yah Hilāl al-Syawāl, no. hadith 2338. Lihat Al-Sajistānī, Sulaimān Ibn Al-‘Asy’ath, *Sunan Abī Dāwūd*, (Beirut: Maktabah Al-‘Asriyyah, t.t), 2:301.

⁴¹ Azharudin Mohamed Dali, "Gerakan Ahmadiyah (Qadiani) di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah." *Journal of Al-Tamaddun* 5, no. 1 (2010): 36.

⁴² Sher Muhammad Khairuddin merupakan seorang anggota polis dari India yang ditugaskan di Selangor.

*Muslim Mission*⁴³ dan melalui pembukaan pusat Ahmadiyah oleh Maulana Husin Iyaz di Singapura pada tahun 1930M.

Kecaknaan Syed Alwi al-Haddad terhadap isu ini terserlah apabila beliau telah mengeluarkan satu fatwa yang panjang sebanyak 42 halaman tentang kekufuran ajaran Qadiani ini sebagaimana yang dikumpulkan oleh Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor.⁴⁴ Bahkan, beliau telah menghasilkan karya berjudul *Anwār al-Qurān al-Māhiyah li Zulumāt Mutanabbī Qadiānī* yang menghimpunkan keseluruhan fatwa antarabangsa berkaitan kekufuran mereka dan diterbitkan oleh Jabatan Agama Johor dalam 4 siri eksklusif secara bulanan.

Menurut Mohd Jasmy, Syed Alwi al-Haddad turut menugaskan para kadi bagi setiap daerah untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada para pengikut ajaran Taslim khususnya di Kampung Tasek, Segamat yang menjadi antara lokasi panas memandangkan kawasan tersebut diduduki oleh 2 orang tenaga pengajar ajaran Taslim iaitu Kang Mat Ishan dan Haji Yusoh.⁴⁵ Dalam beberapa keadaan yang lain, tindakan mahkamah turut diambil kepada pengikut tegar yang enggan bertaubat dengan dilaksanakan tangkapan dan diisyiharkan sebagai murtad selepas pendakwaan tersebut dibahaskan.⁴⁶

iv. Isu Kafā'ah

Lebih awal daripada itu, Fatwa Solo yang dikeluarkan oleh Syaikh Ahmad bin Muhammad Al-Surkati Al-Anṣārī menerusi risalahnya yang berjudul “Sūrat al-Jawāb” turut diperdebatkan oleh Alwi al-

⁴³ *The Muslim Mission* merupakan satu gerakan yang mengangkat idea reformis Islam seperti mana yang ditanggapi oleh Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Pertubuhan ini telah dikemudi oleh Kwaja Kamaluddin dan berpusat di United Kingdom. Lihat Azharudin Mohamed Dali, "Gerakan Ahmadiyah (Qadiani) di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah," 42.

⁴⁴ Al-Haddad, Alwi bin Tahir, *Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, ed. Ke-3 (Johor, Bahagian Penerbitan Pejabat Agama Johor, 2013), 1: 9-51.

⁴⁵ *Ibid.*, 127

⁴⁶ *Ibid.*, 128

Haddad sewaktu berkhidmat di Bogor. Fatwa ini telah dikeluarkan oleh Al-Surkati pada tahun 1913M ketika beliau menetap di kediaman Awad bin Sunkar, penghulu komuniti Arab di Solo.⁴⁷ Fatwa yang berkaitan dengan persekuatan dalam perkahwinan keluarga Ahli Bayt ini menyanggahi fatwa perdana yang berakar lama dalam tradisi ulama Bā`alawī iaitu fatwa Umar Salim Al-Attas yang melarang perkahwinan antara perempuan daripada kalangan Sayyid dengan lelaki yang bukan daripada kalangan Sayyid.⁴⁸

Hal ini membawa kepada penghasilan kitab “*al-Qawl al-Faṣl fīmā li Banī Hāshim Wa Quraisy Wa al-‘Arab Min al-Faḍl*” oleh Syed Alwi al-Haddad sebagai mewakili pihak penentang kepada fatwa ini. Muhammad Abu Bakar Bāzib tidak bersetuju dengan kajian lepas yang mengatakan bahawa karya ini merupakan kritikan terhadap “*Sūrat al-Jawāb*”, bahkan kitab ini sebenarnya merupakan kritikan terhadap karya Muhammad al-Āqib yang berjudul “*al-Masāil al-Thalāth*.⁴⁹

Dalam kajian yang lain, Maḥmūd Sa‘īd membawakan naratif yang berbeza dengan Muhammad Abu Bakar Bāzib iaitu “*al-Qawl al-Faṣl*” merupakan kritikan terhadap kitab “*al-Faṣl al-Khitāb fī Ta’yīd Sūrat al-Jawāb*” karya Ibn Shakaratullah Al-Anṣārī. Ibn Shakaratullah memainkan peranannya sebagai sahabat dan anak murid al-Surkati dengan mempertahankan kedudukan fatwa gurunya itu menerusi kitab berhalaman 250 muka surat tersebut.⁵⁰

⁴⁷ Ahmed Ibrahim Abushouk, "An African scholar in the Netherlands East Indies: al-Shaykh Ahmad Surkitti (1876–1943) and his life, thoughts, and reforms." *Islamic Africa* 2, no. 2 (2011): 23-50.

⁴⁸ Ahmed Ibrahim Abushouk, "A Sudanese Scholar in the Diaspora: Life and Career of Ahmad Muhammad al-Suritti in Indonesia." *Studia Islamika* 8, no. 1 (2001): 66.

⁴⁹ Alwi bin Tahir al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzib, ed., *al-Shāmil fī Tārikh al-Hadramaut*, 62.

⁵⁰ Alwi bin Tahir Al-Haddad & Mahmūd Sa‘īd Mamdūh, ed., *al-Qawl al-Faṣl fīmā li Banī Hāshim Wa Quraisy Wa al-‘Arab Min al-Faḍl*, (Kaherah: Maktabah al-Šobāh, 2018), 9; Lihat juga Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadith Di Nusantara: Indonesia Selatan Thailand - Singapura*, (Universiti Malaya: Jabatan al-Quran dan al-hadith, 2011), 61.

Dalam kitab setebal 3 jilid itu, Syed Alwi al-Haddad tidak berpada dengan menghimpunkan sekurang-kurangnya 670 hadith dan athar bagi membuktikan keutamaan bangsa Arab dan Ahli Bayt ke atas bangsa-bangsa yang lain, bahkan kebanyakannya dalil-dalil sunnah tersebut dinilai statusnya dari sudut riwayat dan teks sama ada sahīh, ḥasan mahupun dhaīf berdasarkan kepada rumus-rumus dalam ilmu jarḥ dan ta'dīl. Muhammad Abu Bakar Bāzīb mengklasifikasikan karya ini sebagai magnum opus yang menjadi kayu ukur terbesar terhadap kredibiliti Syed Alwi al-Haddad dalam bidang hadith.⁵¹

RUMUSAN

Kewibawaan Syed Alwi al-Haddad memberikan manfaat yang besar ke atas umat Islam. Semangat penjelajahan ilmu yang sudah subur dalam kalangan bangsanya telah membuatkan sumbangannya mampu tersebar luas merentas benua. Keputusan imigrasi yang dilakukan oleh Syed Alwi al-Haddad di Nusantara sangat dihargai oleh masyarakat yang bersifat majmuk di kepulauan ini sehingga diangkat oleh pemimpin tertinggi tempatan ke kedudukan yang sangat besar dalam pentadbiran negeri.

Keintelektualan beliau turut terserlah apabila memainkan peranan yang penting sebagai peletak batu asas yang bernuansakan nilai-nilai Islam kepada perlembagaan negeri di samping mempertahankan kemurniaan agama Islam daripada anasir-anasir baru dari luar yang bersifat *interfaith*(fahaman-fahaman luar Islam) mahupun *intrafaith*(fahaman-fahaman dalam Islam).

Hasil kajian mendapati bahawa Syed Alwi al-Haddad merupakan satu tokoh yang proaktif dalam mewariskan khazanah ilmu menerusi penghasilan karya-karya dalam jumlah kuantiti yang banyak tanpa mengambil mudah terhadap kualiti pengisian yang disajikan. Keprihatian beliau terhadap isu-isu agama yang melatari masyarakat Islam di sekelilingnya turut berada di tahap yang tinggi

⁵¹ Alwi bin Tahir al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *al-Shāmil fī Tārikh al-Hadramaut*, 43.

apabila beliau giat menjawab dan memberi komentar terhadap hal-hal berbangkit tersebut.

RUJUKAN

- Abū ‘Iwād Al-Shibāmī, “Tārīkh Al-Šahāfah Al-Hadramiyah”, laman sesawang Saqīfah al-Shibāmī, diakses 24 September 2009, <http://www.alshibami.net/saqifa//showthread.php?p=391503&f=bclid=IwAR1R8Q1GxNei6XWUfk3nzzmT6dLQPxevvWoQtcCPvmUbBb7sDcd7keFVhMc>.
- Abushouk, A. Ibrahim. "A Sudanese Scholar in the Diaspora: Life and Career of Ahmad Muhammad al-Suritti in Indonesia." *Studia Islamika* 8, no. 1 (2001): 55-86.
- Abushouk, Ahmed Ibrahim. "An African scholar in the Netherlands East Indies: al-Shaykh Ahmad Surkitti (1876–1943) and his life, thoughts, and reforms." *Islamic Africa* 2, no. 2 (2011): 23-50.
- Ahmad Nabil Amir, "Pemikiran Tafsir A. Hassan Bandung", laman sesawang Islamic Renaissene Front, diakses 15 November 2021, <https://irfront.net/post/articles/pemikiran-tafsir-a-hassan-bandung-2/>
- Al-Attas, Syed Farid, "Hadramaut and The Hadrami Diaspora: Problem In Theoretical History" dalam *Hadhrami Traders, Scholars and Statemen in the Indian Ocean 1750s-1960s*, ed. Ulrike Freitag dan William Clarence-Smith. Leiden: Brill, 1997.
- Al-Bakri, Zulkifli Muhammad, "Manhaj Intinbat Fatwa di sisi Al-A'llamah Dato' Syed Alwi bin Tahir Al-Haddad." Prosiding, Seminar Pemikiran Tokoh Mufti Siri 1, Universiti Sains Islam Malaysia, 24 September 2013.
- Al-Ḥabsyī, Abu Bakar bin Ahmad. *Al-Dalīl al-Musyīr ilā Falak Asānīd al-Ittiṣāl bi al-Habīb al-Basyīr Ṣallallāhu Wasallam ‘Alaihi Wa ‘alā Ālihi dhawī al-Fadl al-Syahīr Waṣāḥbihi dhawī al-Qadr al-Kabīr*. Arab Saudi: Al-Maktabah Al-Makkiyyah, 1997.
- Al-Haddad, Alwi bin Tahir. "Al-Fādil Tuan Haji Mokhtar Tidak Mengerti Keterangan Mufti Johor." *Warta Jabatan Agama Johor*, September 1954.
- Al-Haddad, Alwi bin Tahir. "Memang Berhaji dan Raya Haji Mesti Melihat Anak Bulan." *Warta Jabatan Agama Johor*, Ogas 1954.

- Al-Haddad, Alwi bin Tahir. "Penjelasan Mufti Kerajaan Johor kepada Al-Fādhil Tuan Haji Mokhtar." *Warta Jabatan Agama Johor*, September 1954.
- Al-Haddad, Alwi bin Tahir. "Risalah Dato' Mufti Membangkang Ibadah Rasulullah." *Warta Jabatan Agama Johor*, April 1960.
- Al-Haddad, Alwi bin Tahir. *Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, ed. Ke-3. Johor: Bahagian Penerbitan Pejabat Agama Johor, 2013.
- Al-Masyhūr, 'Abd al-Rahman Ibn Muhammad. *Shams al-Zahīrah fī Nasab Ahl al-Bayt min Banī 'Alwī Furū' Fātimah al-Zahrā' wa Amīr al-Mu'minīn Ali Rādiyallahu 'Anhu*. Jeddah, Ālam al-Makrifah, 1984.
- Al-Saqqāf, Abd al-Rahman Ibn 'Ubaidillah. *Idām al-Qūt Fī Dhikri Buldān Hadramaut*. Beirut, Dar al-Minhaj, 2005.
- Alwi bin Tahir al-Haddad & Maḥmūd Sa'īd Mamdūh, ed. *Al-Qawl al-Faṣl Fīmā Li Banī Hāshim Wa Quraish Wa al-'Arab Min al-Faḍl*. Kaherah: Maktabah al-Šobāh, 2018.
- Alwi bin Tahir al-Haddad dan Muhammad Abu Bakar Bāzīb, ed., *al-Shāmil fī Tārikh al-Hadramaut*. Jordan: Dar al-Fath, 2017.
- Dali, Azharudin Mohamed. "Gerakan Ahmadiah (Qadiani) di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah." *Journal of Al-Tamaddun* 5, no. 1 (2010): 33-55.
- Fauzi Deramana dan Faisal Ahmad Shah. *Pengajian Hadith Di Nusantara: Indonesia Selatan Thailand – Singapura*. Universiti Malaya: Jabatan al-Quran dan al-hadith, 2011.
- Fauzi, Nurulwahidah, Abdullah Yusuf, Tarek Ladjal, and Mohd Roslan Mohd Nor. "Hadhrami 'ulama' within the Malay-johor activism: the role of Sayyid 'Alwi Bin Tahir Al-haddad (1934-1961)." *Middle-East Journal of Scientific Research* 13, no. 3 (2013): 354-362.
- Hamka, Djamaral Tukimin dan Jamil Nawar, ed. *Sebuah Polemik Agama: Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, ed. 2010. Shah Alam, Pustaka Dini, 2010.
- Ismail F. Alatas, "Land of the Sacred, Land of the Damned: Conceptualizing Homeland among the Upholders of the Thariqah 'Alawiyah in Indonesia." Prosiding, 4th International Symposium of the Journal Antropologi Indonesia: "Indonesia in

- the Changing Global Context: Building Cooperation and Partnership?”, University of Indonesia, Depok, July 12–15, 2005.
- Latifah Abdul Latiff, “The Hadrami Arabs in Malaya Before The Second World War” *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 23, Bil.1 (2014): 1-19.
- Latiff, Latifah Abdul, and Mohammad Redzuan Othman. "Hadhrami Sayyids In Malaya, 1819-1940." *Jurnal Usuluddin* 38 (2013): 147-170.
- Mahmūd Sa‘īd Mamdūh. *Al-Ittijāhāt al-Hadīthiyah fi al-Qarn al-Rabi‘ Ashar*. Kaherah: Dar al-‘Ulūm al-Dīniyah, 2017.
- Mahmūd Sa‘īd Mamdūh. *Tasynīf al-Asmā’ Bi Syuyūkh al-Ijāzah Wa al-Samā’*. Beirut: t.p., 1434H.
- Mohd Fadhli Ghani, “Biografi PAS: Tuan Guru Haji Mokhtar Ahmad: Calon PAS 1955 Di Pasir Mas”, laman sesawang Berita PAS, diakses 25 Mei 2017, <https://berita.pas.org.my/biografi-pas-tuan-guru-haji-mokhtar-ahmad-calon-pas-1955-di-pasir-mas/>.
- Mohd. Jasmy b. Abd Rahman, “Syed Alwe Bin Tahir Al-Haddad: Perkhidmatan, Sumbangan Dan Peranannya Membasmi Ajaran Sesat Di Negeri Johor (1934-1961).” Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992/1993.
- Mokhtar Ahmad. “Keterangan Mufti Johor Belum Dapat Dipegang.” *Warta Jabatan Agama Johor*, September 1954.
- Nur Zainatul Nadra binti Zainol, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus dan Intan Farhana Saparudin, “Kajian Sumbangan Sayyid Alwi Bin Tahir al-Haddad Dalam Pengembangan Islam Di Johor: Analisis Sumbangan Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Johor.” Prosiding, Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VII: Ulama dan Pemikiran Wasatiyyah Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 8-9 Ogos 2017.
- Nurulwahidah binti Fauzi, “Ulama Arab Hadrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed `Abd Qadir Bin Muhsin Al `Attas Dan Syed `Alwi Bin Tahir al-Haddad.” Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2012.
- Saat, Norshahril. "Johor and Traditionalist Islam: What This Means for Malaysia." *Southeast Asian Affairs* (2018): 187-200.

Peranan Dato' Syed Alwi Bin Tahir Al-Haddad Dalam Menanggapi Isu-Isu Agama
Di Nusantara (1920-1961): Satu Sorotan

Suparto, Suparto, Halid Halid, and Samsul Adabi bin Mamat. "Bani Alawiyyin in Indonesia and the Malay World: network, development and the role of institution in transmitting the peaceful mission of Islam." *Journal of Indonesian Islam* 13, no. 2 (2019): 267-296.